



Transformation of Nurses Uniform in Ministry of Health Malaysia

3rd National Nursing Research Colloquium: m/s 4

Seminar Kejururawatan: m/s 5

Jururawat Perihatin: m/s 12

Jururawat Sihat dan Cergas: m/s 14

Riang Ria Hari Raya: m/s 17

Rohani diri: m/s 21

Sidang Pengarang

Pengerusi

Puan Hjh. Tumble bt Ngadiran @ Tomblow

Penyelaras

Puan Anny Mary a/p S.Joseph @ Soosai

Ketua Editor

Puan Gowry a/p Narayanan

Editor

Puan Saibiah @ Salbiah binti Sindot

Puan Siti Zanariah bt Harun

Puan Wan Haslinda binti Wan Hassan

Pereka Grafik

Encik Hairulnizam bin Yusoff

Ahli Jawatan Kuasa

Puan Rozita binti Bujang

Puan Nadzirah binti Fadzil

Puan Nor Wati binti Mohd

Puan Fauziah binti Mustaffa

Puan Anisah binti Nanyan

Puan Munyati Fauzana binti Yaacob

Encik Mohd Azizul bin Nordin

Puan Rosfazila binti Roslan

Puan Rusfariza binti Baharudin

Puan Morni binti Omar

Puan Rosnah binti A.Samad

Puan Zalina binti Hamdan

Puan Roshilawati binti Sulta

Cik Sayani binti Yusof

Encik Hamizi bin Hassan

Sidang Redaksi e-Buletin BKj KKM merakamkan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua-Ketua Unit Bahagian Kejururawatan, barisan Ahli Jawatan Kuasa dan semua warga kerja Bahagian Kejururawatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan e-Buletin Edisi 1/2019.



Sekapur Sirih



PN. HJH. TUMBLE BT NGADIRAN @ TOMBLOW
Pengarah Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan segala limpah kurnia dan keizinan darinya e-Buletin Kejururawatan edisi pertama bagi tahun 2019 dapat direalisasikan. Saya amat berbangga diatas segala usaha yang dijalankan serta kerjasama yang diberi oleh semua editor dan ahli jawatan kuasa. e-Buletin kejururawatan yang pertama dalam tahun 2019 telah berjaya dihasilkan dan isi kandungan e-buletin yang dihasilkan adalah lebih mantap.

Pengisian e-buletin untuk edisi 1/2019 lebih memaparkan aktiviti Bahagian Kejururawatan(BKj), KKM dan memberi focus kepada semua cawangan yang ada di Bahagian Kejururawatan termasuk penglibatan Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Kejururawatan. Setiap kakitangan di Bahagian Kejururawatan juga sentiasa diberi galakkan dan peluang untuk menghadiri konvensyen, persidangan, seminar dan juga diberi pendedahan tentang penyelidikan dan teknologi baru masa kini seperti *rapid review*. Selain itu juga banyak aktiviti-aktiviti sampingan dan penglibatan luaran atau dalaman yang memberi peluang kepada anggota untuk bergaul dan mengeratkan siratulrahim sesama sendiri di Bahagian Kejururawatan serta di peringkat kementerian.

Akhir kalam, semoga niat dan usaha murni ini akan diteruskan pada masa akan datang. Sesungguhnya sumbangan perkongsian ilmu dan aktiviti ini amat diperlukan bagi memastikan Bahagian Kejururawatan terus menjadi peneraju dalam perkhidmatan Kesihatan.

Sekian, terima kasih.



3rd National Nursing Research Colloquium (NNRC) 2019

3rd National Nursing Research Colloquium (NNRC) 2019 telah diadakan dengan jayanya di Auditorium Parcel E, Putrajaya. Ini merupakan penganjuran kali ketiga semenjak diperkenalkan pada tahun 2015. Penganjuran program ini merupakan aktiviti dua tahun sekali dan dikelolakan oleh Unit Penyelidikan Kejururawatan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Kejururawatan.

Kolokium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj Rohaizat bin Hj Yon, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia. Ianya merupakan satu platform kepada semua jururawat untuk berkongsi penemuan hasil kajian kejururawatan yang telah mereka jalankan. Perkongsian kajian ini dipertandingkan dalam bentuk pembentangan lisan dan pembentangan poster.

Secara tidak langsung, kolokium ini dapat memberi peluang kepada jururawat untuk menghubungkan teori dan praktis serta memberi peluang kepada warga jururawat untuk melibatkan diri dalam pembelajaran berterusan dan melengkapkan diri dengan ilmu yang terkini. Kolokium ini telah dihadiri oleh 508 orang peserta yang terdiri dari jururawat kerajaan dan swasta di seluruh Malaysia. Sebanyak 20 pembentangan lisan dan 19 pembentangan poster telah dipertandingkan.

Pemenang Kategori Pembentangan Oral

BIL	NAMA PEMBENTANG	TAJUK PEMBENTANGAN	KEDUDUKAN KEMENANGAN
1	Norazlina binti Md Jazli	<i>Believe, Attitude And Practices On Childhood Immunization In "Close Knit Community" In PKD Gombak, Selangor</i>	Tempat Pertama
2	Sreevali A/P Muthuvadivelu	<i>Effectiveness Of Malaysia Healthy Plate Method (Suku suku Separuh) On Weight Loss In Obese Adults</i>	Tempat kedua
3	Umi Nadrah binti Daud	<i>Factors Associated With Late Antenatal Care Booking At The Selected Public Health Clinic In Langkawi</i>	Tempat ketiga

Pemenang Kategori Pembentangan Poster

BIL	NAMA PEMBENTANG	TAJUK PEMBENTANGAN	KEDUDUKAN KEMENANGAN
1	Roslina binti Mat Nawi	<i>The Effectiveness Of Patient Education In Dialysis Preparatory Clinic (DPC) In Hospital Bentong For Chronic Kidney Disease(CKD) Patients Stage 5 Opting For Renal Replacement Therapy Besides Haemodialysis</i>	Tempat Pertama
2	Siti Hajar binti Muda	<i>The Outcome Evaluation Of An Early Pregnancy Assessment Unit (EPAU) In The Management Of Early Pregnancy Complications</i>	Tempat kedua
3	Ammar Rafidah bt Saptu	<i>Knowledge On Eclampsia Management Among Nuses In Sabah Women And Children Hospital Kota Kinabalu</i>	Tempat ketiga

Muka surat 3)

24-25 April 2019 (Putrajaya)

Tema Kolokium

*"Health for all:
Networking,
Connecting and Sharing
Knowledge"*



Disediakan oleh :
Unit Penyelidikan Kejururawatan BKj, KKM

Seminar Kejururawatan Sempena Hari Jururawat & Hari Bidan Peringkat Kebangsaan 2019

Tarikh:
18 Jun 2019

Tempat :
**Auditorium Kompleks E, Presint 1,
Putrajaya**



Peserta Kursus

Seminar ini telah diadakan pada 18 Jun 2019 (Selasa) bertempat di Auditorium Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Temanya 'Nurses: A Voice To Lead-Health For All' yang merujuk kepada jururawat merupakan individu yang banyak menghabiskan masa bersama pesakit dan keluarga untuk memahami masalah dan situasi pesakit. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dr. Lee Boon Chye dan disertai oleh seramai 500 orang jururawat pelbagai kategori dari seluruh negara.



AKTIVITI UNIT KUALITI BAHAGIAN KEJURURAWATAN

Unit Kualiti Bahagian Kejururawatan(BKj), KKM telah menganjurkan pelbagai mesyuarat yang penting untuk unit kualiti. Antaranya termasuklah mesyuarat Pembentukan Clinical Practice Guideline (CPG), Pressure Injury for Paediatric and Neonatology. Matlamat mesyuarat adalah mewujudkan CPG untuk dijadikan garis panduan kepada semua jururawat di lapangan.

Mesyuarat Perbincangan Kajian Semula Pengurusan Audit ISO

Mesyuarat pembentangan hasil Audit MS ISO 9001:2015 yang telah diadakan pada 13-15 Mac 2019. Agenda mesyuarat adalah bertujuan membuat penambahbaikan dan mengadakan perbincangan berkaitan Objektif Kualiti bersama anggota Bahagian Kejururawatan bagi meningkatkan prestasi, kualiti perkhidmatan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.



Kursus Pemantapan Kualiti



Aktiviti lain yang telah dijalankan ialah mengadakan Kursus pemantapan Kualiti yang telah dianjurkan bersama-sama Unit Penyelidikan, Unit APC, C&P dan CPD. Kursus ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 3-4 Mei 2019.

Pembentukan CPG pressure injury

2 April 2019, 4-5 Mei 2019 &
10 Mei 2019 (Putrajaya)

Disediakan oleh :
Unit Pembangunan Piawaian Kualiti Kejururawatan
BKj, KKM

Lawatan Penyeliaan Dan Pemantauan

Tarikh:
12 April 2019

Tempat :
Institut Perubatan Respiratori (IPR)



Institut Perubatan Respiratori Kuala Lumpur

Lawatan Penyeliaan dan pemantauan di Institut Perubatan Respiratori bersama Hjh. Tumble bt Ngadiran @ Tomblow (Pengarah Bahagian Kejururawatan), Matron Anny Mary a/p S.Joseph @ Soosai (Ketua Penolong Pengarah Kanan Kejururawatan) serta anggota Unit Amalan Kejururawatan Perubatan dan Kesihatan Awam. Pada keseluruhan penyampaian perkhidmatan kejururawatan di IPR adalah baik dan memuaskan. Penemuan yang tidak mengikut SOP telah dimaklumkan untuk penambahbaikan.



Sesi soal jawab bersama Pengarah
Bahagian Kejururawatan



Pemeriksaan dokumen semasa Lawatan Penyeliaan
dan Pemantauan

Disediakan oleh :
Unit Amalan Kejururawatan (Kesihatan Awam &
Hospital) BKJ, KKM

AKTIVITI 1 : LAWATAN PEMANTAUAN PENEMPATAN PELATIH PROGRAM INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI FASILITI KKM

- 1) Memastikan kepatuhan kepada Garispanduan Penggunaan Fasiliti KKM(2015) dan Standard Criteria For Approval/Accreditation of Nursing Program (2018). Memastikan pelajar mendapat latihan klinikal di fasiliti KKM yang komprehensif dan teratur bagi melahirkan graduan yang kompeten.
- 2) Fasiliti yang dipantau adalah :

Bil	Fasiliti	Tarikh
1.	Hospital Putrajaya	15 Jan 2019
2.	Hospital Serdang	30 Jan2019
3.	Negeri Melaka (Hospital Melaka & KK Jasin)	31 Jan -1 Feb 2019
4.	Negeri Pulau Pinang (Hospital Pulau Pinang)	7 - 8 Feb2019
5.	Negeri Kelantan(Hospital Raja Perempuan Zainab II)	12 - 13 Feb2019
6.	Negeri Terengganu (Hospital Sultanah Nur Zahirah)	14 - 15 Feb 2019
7.	Negeri Pahang(Hospital Ampuan Afzan)	29 – 30 Apr2019
8.	JKWPKL&P(Hospital Putrajaya)	16 – 17 Mei 2019
9.	JKN Negeri Sembilan(Hospital Tuanku Jaafar)	23 -24 Mei 2019
10.	JKN Perak(Hospital Permaisuri Bainun)	28-29 Mei 2019

AKTIVITI PEMANTAUAN



AKTIVITI 2 : PENGAUDITAN TERHADAP PERLAKSANAAN MEMORANDUM PER- JANJIAN PROGRAM KEJURURAWATAN DI ANTARA IPT DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh pengauditan berlangsung dalam tempoh bermula pada 22 Januari 2019 hingga 21 Mac 2019 merangkumi Unit Pengurusan Fasiliti Penggunaan Fasiliti KKM Bagi IPT dengan penglibatan tiga fasiliti yang telah di audit: Hospital Melaka, Hospital Pulau Pinang & Hospital Sultanah Nur Zahirah

Exit Conference pada 9 April 2019

Objektif: Memastikan pelaksanaan, penyediaan dokumen, perjanjian dan penggunaan serta pengurusan penggunaan fasiliti KKM bagi tujuan latih amal pelajar IPT dipatuhi.



Exit Conference bagi Pengauditan Terhadap Pelaksanaan (MOA) Program Kejururawatan Bersama dengan Cawangan Audit Dalam KKM



Sesi bergambar ahli auditor & auditee bersama Dato' Shamsiah binti Hj. Daud

AKTIVITI 3 : MESYUARAT JAWATANKUASA PENGGUNAAN FASILITI KKM



Disediakan oleh :
Unit Pembangunan Piawaian Kualiti
Kejururawatan, BKJ

PERBINCANGAN BERSAMA UNIT CREDENTIALING & PRIVILEGING BAHAGIAN KEJURURAWATAN BERKAITAN GARIS PANDUAN

Tarikh:
28 Mei 2019

Tempat :
Putrajaya



Di Pengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kejururawatan

Perbincangan permohonan Privileging bagi Jururawat sektor swasta telah dijalankan pada 28/5/2019 (Bil 2/2019) di pengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kejururawatan bersama anggota dari Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), penyelaras C&P Bahagian Kejururawatan dan Association of Private Hospitals Malaysia (APHM).



Disediakan oleh :
Unit Credentialling & Previliging BKj, KKM

BENGKEL SEMAKAN TERJEMAHAN BIDAN PADA 6 MAC 2019 (PUTRAJAYA)

Bengkel bertujuan untuk mengesahkan terjemahan yang telah dibuat oleh Jabatan Peguam Negara. Terjemahan yang disediakan dihasratkan untuk ditetapkan sebagai naskah sah seperti yang diperuntukkan dibawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.




PERJUMPAAN BERSAMA PENASIHAT UNDANG-UNDANG (PUU), KKM 7 MAC 2019 (PUTRAJAYA)

Perjumpaan bersama Penasihat Undang-Undang bagi sesi suai kenal dan khidmat nasihat. Isu yang dibincangkan adalah berkaitan keputusan dasar yang perlu ditetapkan bagi menentukan halatuju kejururawatan. Perjumpaan ini melibatkan Cawangan Regulatori Bahagian Kejururawatan.



Disediakan oleh :
Unit Penggubalan Akta Penguatkuasaan



HARI IMMUNISASI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019 (BANDAR BARU BANGI SELANGOR)

Program sambutan Hari Immunisasi Peringkat Kebangsaan 2019 di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi pada 28 April 2019. Bersama dilindungi, Immunisasi Perkesan. Dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Turut serta Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, YBhg. Dato' Dr. Khalid bin Ibrahim. Pengisian majlis termasuklah senaman aerobik, *fun run*, anugerah Wira Vaksin, forum awam, klinik immunisasi, saringan kesihatan, booth promosi kesihatan serta lain-lain aktiviti yang menarik. Penyertaan adalah dari PKD-PKD Negeri Selangor memeriahkan majlis.



Puan Pengarah Kejururawatan menandatangani autograph di kain rentang Program



Peserta PKD Hulu Langat



Peserta PKD Hulu Selangor



Peserta PKD Klang

LAWATAN KERJA PENGARAH KEJURURAWATAN KES KERACUNAN SISA TOKSIK

Lawatan ke Hospital Sultan Ismail, Johor (HSI), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSA) dan Hospital Permai, Johor pada 13 Mac 2019. Pegawai terlibat : Puan Hj Tumble binti Ngadiran @ Tomblow dan Matron Siti Fadzilah Sheikh Abdullah.

Objektif lawatan adalah :

1. Menilai kesiapsiagaan Bahagian Kejururawatan Negeri Johor dan jururawat – jururawat di hospital yang terlibat dalam menghadapi Kes Keracunan Toksik di Pasir Gudang, Johor.
2. Memastikan perkhidmatan kejururawatan yang diberikan kepada mangsa yang dimasukkan ke wad adalah mengikut SOP yang ditetapkan.
3. Memberi nasihat dan sokongan kepada jururawat yang bertugas didalam memberikan perkhidmatan semasa bencana.



Taklimat berkaitan perancangan operasi diberikan oleh Matron Sarinah bt Shukor dari JKN dan Penyelia Jururawat yang menjaga Matron Nor Dahlia bt Ahmad, Hospital Permai



Amanat kepada jururawat Wad Lavender B dalam persediaan berhadapan dengan kes keracunan sisa toksik



Wad Barat 5, Hospital Sultanah Aminah, JB menempatkan 12 orang pesakit

Kursus Microsoft Powerpoint 2010

Tarikh:

25 & 26 Mac 2019 (Isnin dan Selasa)

Tempat :

**Bilik Latihan BPM,
Bahagian Pengurusan Maklumat
(BPM),
Kementerian
Pelancongan dan
Kebudayaan Malaysia (MOTAC)**



Sesi bergambar iakhir sesi kursus

Kursus Microsoft Powerpoint 2010 ini telah dianjurkan oleh Unit ICT dengan kerjasama Unit CPD. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan perisian persembahan, mengaplikasikan penggunaan Microsoft Powerpoint 2010 dalam pembentangan tugas atau laporan dan menjana pemikiran kreatif dan inovatif anggota BKJ. Kursus ini berjalan dengan lancar dan telah berjaya menarik minat kehadiran pegawai seramai 17 orang manakala kakitangan seramai 22 orang. Pengajar dan fasilitator kursus ini dari Unit ICT sendiri iaitu En. Hairulnizam bin Yusoff dan En. Ong Su Hang.



Penutup Majlis oleh DON



Peserta Kursus



WARGA AKTIF WARGA PROAKTIF AKTIVITI BERBASIKAL DI TAMAN BOTANI, PRESINT

Buat pertama kalinya Bahagian Kejururawatan(BKj), KKM telah mengadakan aktiviti berbasikal di Taman Botani, Presint 1 pada 16 Februari 2019 yang telah disertai oleh anggota Bahagian Kejururawatan. Ia bertujuan untuk menggalakkan cara hidup sihat dikalangan warga BKj sebagaimana tertakluk di dalam KOSPEN skop No 3, hidup aktif serta selaras dengan KPI YBMK. Disamping itu pogram ini dapat mengeratkan siratulrahim antara kakitangan dan aktiviti ini akan menjadi aktiviti berkala pada setiap tahun.





Tarikh :
16 April 2019

Tempat:
**Dewan Balora
Perdana, Jabatan
Pendaftaran Negara,
Putrajaya**

BENGKEL KETERAMPILAN IMEJ

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang definisi imej, personaliti, keterampilan diri dan profesionalisma. Disamping itu ia juga dilihat mampu menambah pengetahuan peserta tentang elemen-elemen penting yang perlu diambil berat untuk membentuk imej dan personaliti yang menawan dan professional.

Bengkel ini dipilih kerana keterampilan diri dan personaliti yang menarik merupakan aset bernilai kepada seseorang. Memiliki imej dan keterampilan diri yang profesional, menarik dan anggun pasti mampu membantu memudah serta melicinkan urusan seharian seseorang itu terutama ketika berhadapan dan berurusan dengan orang ramai.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Kejururawatan, Puan Hjh Tumble bt. Ngadiran@Tomblow. Seramai 220 orang peserta yang terdiri daripada jururawat dari Bahagian Kejururawatan, Hospital dan Kesihatan Awam disekitar Lembah Klang dan jururawat dari Ibu Pejabat KKM. Penceramah jemputan adalah YBhg. Datin Suriani binti Abdul Rahman dari *Talent Management Services (Broadcasting)*.



AKTIVITI PENINGKATAN ADRENALIN BAHAGIAN KEJURURAWATAN



Go Fit Don't Quit BKj setiap Selasa @ 4.30petang



X' Break BKj setiap hari @ 11pagi & 4 petang



Sweat Wednesday



Fit Trim Penyusuan Susu Ibu @ Hospital Serdang

JOM RAYA BAHAGIAN KEJURURAWATAN, KKM (PUTRAJAYA)

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bahagian Kejururawatan(BKj), KKM telah diadakan pada 21.6.2019 bertempat di Blok E7 Bahagian Kejururawatan (BKj), KKM dimana sambutan ini telah dimeriahkan dengan kehadiran YB Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. Di dalam kemeriahan suasana Aidilfitri ini, warga BKj berkesempatan untuk mempamerkan kreativiti pada gerai masing-masing disamping juadah yang dihidangkan.



AKTIVITI DALAM & LUAR



Majlis persaraan matron Khalijah bt Dalip pada 5.4.2019



Majlis Hi Tea & Sambutan Hari Lahir warga BKj



Sumbangan duit Raya untuk warga BKj



Aktiviti larian KOSPEN



Gotong Royong Mega

Tahniah!!!

Puan Pengarah Kejururawatan di atas
kenaikan pangkat JUSA C



KAKITANGAN BKj BERSARA, NAIK PANGKAT & BERPINDAH KELUAR DAN BERPINDAH MASUK

KENAIKAN PANGKAT		
NAMA	JAWATAN (TERKINI)	TEMPAT BERTUGAS BARU
Puan Noreisah bt Ab.Rahman	Penyelia Jururawat Gred U42	Hospital Putrajaya
Puan Nor Arzina binti Badrudin	Pembantu Tadbir Kanan Gred N22	Hospital Serdang

BERSARA		
NAMA	JAWATAN (TERKINI)	TARIKH BERSARA
Puan Khalijah binti Dalip	Penolong Pengarah Kejururawatan Gred U42	08.04.2019

BERPINDAH KELUAR		
NAMA	JAWATAN (TERKINI)	TEMPAT BERTUGAS BARU
Puan Nor Ismanisah binti Ismaon	Pembantu Akauntan Gred W26	Jabatan Akauntan Negeri Sembilan
Cik Mazlida binti Mat Ali	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

BERPINDAH MASUK		
NAMA	JAWATAN (TERKINI)	TARIKH LAPOR DIRI
Puan Salmiah binti Ahmad	Pembantu Akauntan Gred W26	23.01.2019
Puan Siti Zanariah binti Harun	Penolong Pengarah Kejururawatan Gred U42	21.05.2019
Puan Nurulaini binti Ab. Sani	Penolong Pengarah Kejururawatan Gred U42	21.05.2019
Puan Ooi Soh Kin	Penolong Pengarah Kejururawatan Gred U42	21.05.2019

PANGGILAN KAABAH WARGA BKJ



NURUL ATIQA BINTI LOKMAN

Menunaikan Umrah
(29.1.2019 - 2.2.2019)



HJH ZALINA BT HAMDAN

Menunaikan Fardhu Haji pada musim Haji
1440H Berangkat ke tanah suci pada
8.7.2019



HJ MOHD AZIZUL BIN NORDIN

Mengikuti Rombongan Petugas Haji Musim
Haji 1440H



LUAHAN
HATI

Jururawat Ku....

Jururawat.

*H*adirmu sebagai penawar
*L*angkahmu mengorak semangat
*P*rihatinmu buatku terharu
*K*esungguhanmu buat ku selesa

Jururawat.

*D*irimu milik masyarakat
*B*udimu tak lentur digoyang cabaran
*J*wamu teguh berbakti
*W*alau susah untuk diharungi

Jururawat.

*T*erlalu mulia ku memandang dirimu
*T*ak jemu membantu
*S*emangat lentur kau beri harapan
*K*esembuhanku kegembiraanmu

Jururawat.

*S*elagi dirimu bertenaga
*T*aburlah bakti tanpa ragu
*B*udi mu tak dapat ku balas
*T*erima kasih*Jururawat.*

Wanda71

